

Review Article

Pembangunan Modal Insan (PMI) Dari Perspektif Islam

Masitah Idris¹ *, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria², Ahmad Sunawari Long³, and Nozira Salleh⁴

1 Affiliation ²; aufaa@ukm.edu.my

2 Affiliation ³; aslong@ukm.edu.my

3 Affiliation ⁴; aziera@ukm.edu.my

* Correspondence: masitahidris87@gmail.com

Received: 1st March 2019; Accepted: 21th March 2019; Published: 9th April 2019

Abstract: Pembangunan Modal Insan dari perspektif Islam memfokuskan manusia itu sendiri sebagai matlamat utama untuk dibangunkan berpandukan kepada sumber-sumber dalam manusia bagi mencapai kesejahteraan (*al-falah*) dan kebaikan (*hasanah*) dalam setiap bidang kehidupan. Justeru, objektif penulisan manuskrip ini ialah untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur-unsur Pembangunan Modal Insan dari perspektif Islam. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks dan dokumen. Hasil kajian mendapati terhadap lima unsur pembangunan utama dalam Pembangunan Modal Insan yang perlu dilakukan secara seimbang dan bersepadu ialah pembangunan pemikiran, dorongan, perasaan, fizikal dan rohani. Implikasi yang dapat dibuktikan melalui Pembangunan Modal Insan yang seimbang dan menyeluruh ialah akan melahirkan individu yang cemerlang dan berkualiti di dalam kehidupan mereka dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat serta mampu membina sebuah tamadun atau peradaban yang unggul.

Keywords: Pembangunan Modal Insan; Islam; Pemikiran; Fizikal; Rohani

About the Authors

Masitah Binti Idris: Pelajar Ijazah Doktor Falsafah, Pusat Akidah dan Keamanan Global, UKM.

Wan Fariza Alyati Wan Zakaria: Pensyarah Kanan Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pegajian Islam, Bangi, UKM. Kelulusan Akademik: Sm.P.I.(Kep.), S.P.I.(UKMalaysia), Ph.D (Birmingham). Bidang Kepakaran: Falsafah dan Pemikiran Islam.

Ahmad Sunawari Long: Prof. Madya Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pegajian Islam, Bangi, UKM. Kelulusan Akademik: Sm.P.I. (Kep.)(UKM Malaysia), M.A. (Nottingham), Ph.D (Malaya). Bidang Kepakaran: Falsafah dan Pemikiran Islam.

Nozira Salleh: Pensyarah Kanan Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pegajian Islam, Bangi, UKM. Kelulusan Akademik: B.A. (Hons.), M.A. (UIAM), Dok.Fal. (UKMalaysia). Bidang Kepakaran: Tasawwuf/Tarekat dan Perbandingan Islam

Public Interest Statement

Manusia merupakan makhluk Allah S.W.T. yang diciptakan dengan pelbagai potensi untuk dibangunkan. Melalui Pembangunan Modal Insan secara holistik dan seimbang, akan mewujudkan individu berakhlak dan mempunyai sahsiah yang mulia. Mereka juga dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada diri sendiri serta masyarakat sekeliling dengan baik .

1. Pengenalan

Perbincangan mengenai Pembangunan Modal Insan sangat meluas pada masa kini melibatkan pelbagai perspektif merangkumi aspek agama, pendidikan, ketamadunan, ekonomi, psikologi, kekeluargaan, pengurusan organisasi, pembangunan pelajar, sosial, pembangunan sumber manusia dan sebagainya. Dalam menghadapi arus globalisasi pada masa kini, terdapat cabaran dan masalah untuk memastikan modal insan yang dihasilkan memiliki kekuatan rohani, berakhlak mulia, mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian sama ada dalam rumahtangga, tempat kerja atau dalam masyarakat (Said, 2010). Ini secara tidak langsung telah mencetuskan masalah keruntuhan moral yang semakin ketara seperti masalah disiplin pelajar, penderaan, rasuah dan LGBT (Zainal & Hasan, 2009). Pembangunan Modal Insan dari pandangan Islam berbeza dari Barat kerana Islam menekankan asas pembangunan manusia meliputi semua aspek dalam kehidupan berpandukan al-Qur'an dan al-sunnah dan menjadikan agama Islam sebagai panduan. Barat pula menekankan pembangunan manusia melalui undang-undang yang dicipta oleh manusia dan tidak bersepadu dengan elemen keagamaan (Azmi, 2009; Kamaluddin, Kassim, Alam, & Samah, 2018). Justeru, artikel ini akan membincangkan mengenai unsur-unsur Pembangunan Modal Insan dari perspektif agama Islam untuk melihat sejauh mana penekanan dan perbincangan dalam Islam terhadap pembangunan dalam diri manusia secara holistik dan bersepadu yang memberi fokus kepada pembangunan sumber-sumber di dalam diri manusia, bersesuaian dengan fitrah penciptaan manusia sebagai khalifah dan hamba di muka bumi ini, seterusnya dapat melahirkan modal insan yang sebenar dan berkualiti.

2. Konsep Perbincangan Pembangunan Modal Insan

Istilah modal insan (*human capital*) mempunyai tafsiran yang berbeza mengikut perspektif perbincangan yang pelbagai. Barat mentafsirkan istilah *human capital* sebagai modal manusia. Ia merupakan perbincangan dalam ruang lingkup konsep ekonomi yang melihat manusia sebagai 'modal' yang boleh memberi keuntungan kepada negara. Justeru, istilah ini mula berkembang dalam kandungan falsafah Barat sekular yang memberi keutamaan kepada fizikal manusia dan urusan keduniaan semata-mata. Justeru, bagi memenuhi konsep modal manusia yang boleh memberikan keuntungan kepada negara, negara-negara maju telah melaburkan banyak wang dalam bidang pendidikan untuk memastikan mereka dapat menghasilkan modal manusia yang diperlukan. Semakin bertambah pendidikan atau ilmu pengetahuan bagi individu, maka semakin bertambah nilai atau jumlah modal pada diri individu tersebut. Selain itu, penekanan kepada latihan kepada individu turut diberi tumpuan kerana melalui latihan seseorang dapat memiliki kemahiran dan seterusnya dapat meningkatkan kecekapan dan keterampilan (Said, 2010, p. 3).

Perbincangan istilah modal insan di Barat mula diperkatakan pada awal tahun 1776 dari perspektif ekonomi klasik oleh Adam Smith dalam konteks mendefinisikan istilah 'modal' atau '*capital*'. Menurut Adam Smith (1999), apa yang dimiliki oleh rakyat dalam sesebuah negara seperti bakat dan kemahiran dianggap sebagai modal insan. Gary S. Becker (1994) pula berpendapat modal insan mempunyai kaitan dengan ekonomi sesebuah negara kerana individu tidak dapat dipisahkan dengan pengetahuan, kemahiran, kesihatan ataupun nilai. Oleh itu, pendapatan yang tinggi, kesihatan yang baik dan tabiat yang baik akan memberi kesejahteraan dalam kehidupan seseorang. Beliau menekankan dua elemen penting yang sebagai pelaburan masa depan dalam modal insan iaitu pendidikan dan latihan. Selain itu, Theodore W. Schultz menjelaskan bahawa pengetahuan dan kemahiran adalah elemen modal yang terhasil dari pelaburan yang disengajakan. Beliau turut berpendapat peningkatan hasil ekonomi di negara-negara Barat adalah kesan positif dalam pelaburan modal insan. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan antara peningkatan pelaburan modal insan dengan peningkatan pendapatan pekerja. Justeru, negara-negara maju yang melabur dalam pendidikan, kesihatan dan latihan dalam jangka panjang akan menguatkan struktur ekonomi dan meningkatkan taraf hidup masyarakat dalam sesebuah negara.

Menurut Noor et. al (2014, p. 4-6), perbincangan Pembangunan Modal Insan di Barat menganggap manusia adalah semata-mata aspek material yang mampu memberi pulangan semula kepada pembangunan negara sama ada dalam bentuk kemahiran atau pengetahuan yang boleh

Journal of Management and Operation Research 2019, 2 (1)

memberi manfaat kepada ekonomi sesebuah negara. Ini kerana di Barat, pembangunan modal insan umumnya didefinisikan sebagai suatu cara untuk mengenal dan mengkategorikan kemahiran dan kebolehan individu yang digunakan dalam pengambilan pekerja serta mereka turut memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Bagi Barat, negara-negara maju adalah yang melabur dalam pendidikan, kesihatan dan latihan dalam jangka panjang menguatkan struktur ekonomi dan meningkatkan taraf hidup masyarakat mereka manakala negara membangun dan mundur pula masih mementingkan pelaburan jangka pendek bagi memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat perlindungan dan keselamatan.

Definisi modal insan dalam perspektif Islam adalah berbeza dari perspektif Barat. Menurut Ahmad (2006, p. 21), modal insan dalam perspektif Islam didefinisikan sebagai satu keunggulan keperibadian yang dimiliki oleh manusia seperti penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran yang tinggi dan akhlak yang mulia dalam konteks melaksanakan tugas dan tanggungjawab bersama yang diamanahkan bagi meningkatkan kemakmuran untuk manusia dan alam seluruhnya. Menurut Kawangit (2011, p. 48) pula, modal insan seharusnya tidak dilihat dari aspek latihan, kemahiran, kepakaran, profesional, kelebihan maklumat dan sebagainya tetapi harus mempunyai ciri-ciri pembangunan ke atas manusia seperti menerapkan sifat amanah, jujur, berakhlak, progresif, cergas dan bertamadun.

Perbincangan PMI di dalam perspektif Islam memfokuskan manusia sebagai matlamat utama dan manusia juga dilihat sebagai agen terpenting kepada pembangunan serta manusia menjadi matlamat akhir kepada setiap pembangunan yang dijalankan (Shafii, Musa, Meryam & Abd. Rahman, 2009, p. 5; Majid, Rahim & Yusof, 2014, p. 25). Justeru, teori berkaitan manusia sudah lama dibincangkan dalam perspektif Islam dan Barat. Dalam Islam, perbincangan mengenai manusia disandarkan kepada firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Dharyat: 56 yang bermaksud "*tidaklah aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepadaKu*". Antara ahli falsafah Islam yang membincangkan mengenai manusia ialah al-Ghazali, Ibn Khaldun, Mohamed Iqbal dan Syed Naquib al-Attas (Borham, 2011, p. 121-127).

Ibrahim (2010, p. 109) menyebut, penciptaan manusia juga ditaklifkan dengan amanah sebagai khalifah agar manusia membina sebuah tamadun berlandaskan agama Islam bukan semata-mata kerana kebendaan. Justeru, menurut Borham (2008, p. 15-16) dan Noor et al., (2015, p. 5), Pembangunan Modal Insan dari perspektif Islam bukan sahaja membincangkan aspek pembangunan intelektual dan emosi sahaja bahkan melibatkan aspek fizikal dan spiritual, yang mengandungi etika dan moral yang tinggi bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia itu sendiri yang merupakan makhluk yang mulia disisi Allah S.W.T. Perkara ini disokong oleh (Kawangit, 2011, p. 50) dan beliau berpendapat bahawa elemen rohani dan spiritual ini mempunyai kaitan dengan keimanan manusia kerana iman mengajar dan membentuk manusia supaya mempunyai keimanan yang tahan diuji, insan yang berusaha mencari keredhaan Allah dan seterusnya bertawakkal kepada Allah.

Kefahaman mengenai diri manusia akan membawa kepada apa dan bagaimana diri manusia dibangunkan. Terdapat beberapa aspek dalam pembangunan manusia yang perlu ditekankan antaranya aspek fizikal, pemikiran, kemahuan, perasaan dan kerohanian (Ahmad, 2006, p. 64) & (Ilias & Jasmi, 2011, p. 7). Jasmi, Suratman, & Muhammad (2007, p. 1) menyebutkan Imam Nawawi menjelaskan beberapa aspek dalam Pembangunan Modal Insan iaitu pembangunan akhlak kepada Allah S.W.T., pembangunan akhlak kepada manusia, pembangunan sosial, pembangunan adab kehidupan, pembangunan ibadah, pembangunan jihad, pembangunan ilmu dan pembangunan pengetahuan batasan agama. Wan Abdullah (2008, p. 117) pula menjelaskan bahawa Ibn Sina turut membincangkan mengenai Pembangunan Modal Insan dari aspek psikologi, kemasyarakatan dan politik. Aspek-aspek ini perlu dibangunkan secara holistik supaya Pembangunan Modal Insan yang dilaksanakan mengalami keseimbangan.

3. Pembangunan Modal Insan Menurut Islam

Perbincangan mengenai Pembangunan Modal Insan mempunyai hubungan dan berkait rapat dengan konsep pembangunan manusia. Terdapat beberapa aspek Pembangunan Modal Insan yang

dibincangkan dalam perspektif Islam antaranya melibatkan pembangunan pemikiran, kemahuan, emosi, fizikal dan spiritual. Kelima-lima aspek ini menjadi teras dalam pembangunan modal insan manusia atau pembangunan manusia dari sudut pandangan Islam. Justeru, aspek-aspek ini akan dibincangkan secara terperinci di dalam penulisan manuskrip ini.

3.1. Pembangunan Pemikiran/Akal

Pembangunan pemikiran atau akal merupakan unsur terpenting di dalam penciptaan dan kehidupan manusia. Melalui pemikiran atau akal, manusia memperoleh dan menyimpan segala pengetahuan yang membolehkan manusia mengetahui hakikat sesuatu benda atau keadaan dan berupaya mengeluarkan pendapat atau pandangan serta membuat andian terhadap masa depan. Pemikiran atau akal juga merupakan pengimbang dan penghubung antara kehendak jasmani dan rohani. Pembangunan pemikiran atau akal yang seimbang akan membolehkan manusia mengoptimumkan potensi dan keupayaan diri seperti berfikir secara proaktif, membuat penakulan, melakukan penganalisaan dan melebarkan horizon pandangan (Yusof, 2009, p. 379-380). Islam menekankan pembangunan pemikiran atau akal untuk melihat dan menilai masa depan, membina idelisme baru, membuat perangkaan atau anjakan baru, membuat ramalan baru, membuka perspektif baru (paradigma) dan mengunjur pencapaian baru bagi kesejahteraan manusia di dunia dan di akhirat. Kemuncak penggunaan akal adalah untuk memikirkan kebesaran Allah S.W.T. yang mencipta alam dan dapat membezakan perkara yang benar atau palsu (Ahmad, 2006, p. 73) dan dapat mengukuhkan ketauhidan manusia (Muis, Alias, Kamaruding, & Mokhtar, 2018, p. 545).

Di dalam al-qur'an, terdapat ayat-ayat yang menyentuh tentang penggunaan pemikiran atau akal. Terdapat 18 kali perkataan berfikir di dalam al-qur'an dalam bentuk perbuatan (*verb*), satu perkataan dalam bentuk ayat telah berlalu (*past tense*), 17 perkataan dalam bentuk ayat semasa atau akan datang (*present tense*) dan 17 perkataan dalam bentuk jamak (plural). yang merujuk kepada proses yang perlu dilakukan dan bukan dalam bentuk hasil (*outcome*). Ini menunjukkan bahawa berfikir merupakan satu proses yang dilakukan secara kolektif dalam menghasilkan sesuatu keputusan. Terdapat 8 istilah yang dikatakan mempunyai persamaan makna dengan berfikir seperti *nazar* (surah al-A'raf: 185), *tabassur* (surah Yusuf: 108), *tadabbur* (surah Sad: 29), *tadhakkur* (surah al-An'am), *Itibar* (surah an-Nur: 44), *ta'aaqqul* (surah al-Hajj: 46) dan *tawassum* (surah al-Hijr: 75).

Melalui pembangunan pemikiran atau akal, akan terhasil pembangunan pengetahuan kepada manusia. Islam menekankan penguasaan ilmu pengetahuan kerana ilmu merupakan tunjang yang amat penting dalam membina tamadun manusia. Manusia diciptakan oleh Allah S.W.T. dengan dianugerahkan akal dan daya pemikiran yang tinggi bagi membolehkan manusia menguasai ilmu pengetahuan yang maskimum (Kawangit, 2011, p. 16). Islam menekankan kepentingan dan kewajipan menuntut dan mencari ilmu pengetahuan kepada manusia. Kedudukan manusia yang berilmu adalah berbeza dengan manusia yang tidak berilmu di sisi Allah S.W.T. Melalui ilmu, manusia dapat membina peradaban dan tamadun yang unggul serta mampu mengangkat diri mereka ke tahap yang lebih baik. Firman Allah S.W.T. di dalam surah az-Zumar: 9 yang bermaksud:

"...katakanlah lagi (kepadanya): Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna"

Islam turut menekankan kepentingan menguasai ilmu pengetahuan bagi membentuk peradaban yang unggul. Penguasaan terhadap ilmu pengetahuan merupakan pemangkin kepada pembentukan potensi manusia ke arah menghasilkan sumber tenaga manusia yang kompeten. Oleh itu, manusia dianugerahkan daya intelek yang tinggi dan mempunyai kapasiti untuk menguasai ilmu dan mengetahui hakikat kebenaran. Manusia yang tidak mementingkan untuk menguasai ilmu dalam kehidupan mereka akan menjejaskan fungsi mereka sebagai khalifah di atas muka bumi ini bahkan akan mematikan potensi keinsanan yang wujud dalam diri manusia (Abdullah, Ramli, & Hussin, n.d, p. 208). Firman Allah di dalam surah al-A'raf: 179 yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati yang (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan mempunyai mata yang tidak (mahu) melihat dengannya (bukti-bukti keesaan Allah), dan mempunyai telinga yang tidak (mahu) mendengar dengannya (ajaran dan nasihat), mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi, mereka itulah orang-orang yang lalai”.

Menurut Malik, Zahrin, Sawai, & Sham (2018, p. 97), di dalam era globalisasi pada masa kini menuntut masyarakat mencintai ilmu pengetahuan. Terdapat beberapa ciri individu yang menyukai ilmu antaranya ialah suka membaca, suka menulis, suka berbincang dan berfikir, suka kepada kebenaran dan suka kepada motivasi. Dengan ilmu, manusia akan melakukan transformasi kepada diri mereka dan menjadi manusia yang bermanfaat untuk masyarakat sekeliling.

3.2. Pembangunan Kemahuan/Dorongan

Kemahuan atau dorongan merupakan unsur yang sehati dalam diri manusia dalam konteks menggerakkan manusia ke arah kebaikan atau kejahatan. Kemahuan atau dorongan ini dilambangkan dengan kehairahan, kesungguhan, semangat atau keyakinan untuk mencapai sesuatu tujuan. Manusia yang mempunyai kemahuan atau dorongan yang tinggi akan sentiasa berusaha untuk melakukan sesuatu yang diinginkan. Walau bagaimanapun, kemahuan dan dorongan manusia perlu dikawal dan perlu diletakkan dalam pertimbangan yang sewajarnya (Ahmad, 2006, p. 80-81).

Terdapat tiga peringkat nafsu dalam diri manusia sebagaimana yang dispesifikasikan di dalam al-Qur'an iaitu nafsu *ammarah*, nafsu *lawwamah* dan nafsu *mutma'innah*. Nafsu jahat atau paling hina iaitu nafsu *ammarah* mendorong manusia untuk melakukan kejahatan dan manusia merasa bangga dengan kejahatan dan dosa yang dilakukannya dan turut megajak orang lain melakukan dosa dan maksiat. Nafsu ini juga tunduk dan patuh menurut kehendak nafsu syahwat dan syaitan. Firman Allah di dalam surah Yusuf: 53 yang bermaksud:

“Sesungguhnya nafsu ammarah itu sangat menyuruh kepada kejahatan”.

Nafsu *ammarah* tidak dapat dikawal dengan sempurna dengan hati manusia. Ia memerlukan kepada ilmu, hikmah, kebijaksanaan dan akal. Tanpa elemen ini, hati akan binasa. Oleh itu, manusia dengan nafsu *ammarah* lebih bertingklaku yang melanggar syariat, tidak mempunyai adab, tidak mempunyai perikemanusiaan, bertindak sesuka hati, sering menzalimi orang lain dan sebagainya. Mereka juga sering menimbulkan pelbagai masalah lain yang memberi kesan kepada negatif kepada dirinya dan juga persekitaran. Mereka juga sukar ditegur kerana tidak peka dengan kesilapan atau kesalahan yang telah dilakukan. Nafsu *ammarah* menduduki tahap paling rendah dalam kehidupan manusia, malah lebih rendah daripada haiwan. Ini kerana, umum mengetahui bahawa haiwan tidak dianugerahkan dengan akal dan bertindak sekadar memenuhi keperluan hidup mereka sahaja dan tidak memberi kesan kepada orang lain.

Nafsu *lawwamah* adalah nafsu yang tercela kerana kelalaian manusia melaksanakan peraturan-peraturan Allah S.W.T. Firman Allah di dalam surah al-Qiyamah: 2 yang bermaksud:

“Aku bersumpah dengan nafsu lawwamah (yang menyesali dirinya sendiri)”

Manusia yang memiliki jiwa seperti ini sudah mempunyai kesedaran dan keinsafan akan dosa yang telah dilakukannya tetapi masih tertarik untuk melakukan kejahatan tetapi mereka yang berada pada nafsu *lawwamah* ini tidak mengajak orang lain untuk melakukan dosa bersama. Oleh itu, mereka mudah memperbaiki diri dan mudah menerima teguran orang lain. Mereka juga tidak hanyut dengan arus kesesatan yang membinasakan diri sama ada dalam kehidupan di dunia mahupun di

akhirat. Mereka juga sering memikirkan perbuatan baik atau buruk, halal atau haram, betul atau salah, berdosa atau tidak dalam segala tindakan mereka. Nafs *mutma'innah* ialah nafsu yang tenang. Firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Fajr: 27-30 yang bermaksud:

“Wahai nafsu mutmainnah (jiwa yang tenang). Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diredhainya. Maka masuklah ke dalam jemaah hamba-hambaKu dan masuklah ke dalam syurgaKu”

Manusia yang memiliki jiwa seperti ini mencari jalan keluar dari melakukan dosa dan istiqamah untuk tidak melakukannya lagi. Mereka juga dapat mengawak nafsu syahwat dengan baik dan sentiasa cenderung untuk melakukan kebaikan. Kesenangan hidup yang diperolehi tidak membuatkan mereka lupa diri dan kesusahan hidup yang dialami tidak membuatkan mereka gelisaj. Ini kerana hati mereka mempunyai ikatan yang kuat dengan Allah S.W.T. dan redha dengan segala ketetapan yang telah ditentukan kepadanya. Nafs *mutmainnah* merupakan tahap yang tertinggi dalam kehidupan manusia dan individu yang sampai ke tahap ini mendapat balasan syurga di akhirat nanti. Oleh itu, manusia yang berjaya melakukan perubahan terhadap dorongan dan kemahuan diri merupakan manusia yang berusaha untuk mengawal dan meningkatkan tahap nafsu dalam diri mereka daripada nafsu yang hina kepada nafsu yang tenang.

Menurut al-Ghazali, terdapat tiga peringkat pengkelasan jiwa manusia iaitu peringkat rendah, pertengahan dan tinggi. Peringkat pertengahan adalah transisi jiwa manusia dalam usaha memperbaiki diri dari peringkat rendah kepada peringkat tinggi. Antaranya meninggalkan sifat-sifat kehaiwanan menuju tahap kesempurnaan. Perbincangan peringkat nafsu dalam kaca mata al-Ghazali turut dikaitkan dengan teori kaunseling menurut perspektif Islam (Sarmani, 2008, p. 75).

3.3. Pembangunan Emosi/Perasaan

Emosi ditakrifkan sebagai suatu ekspresi perasaan naluri yang kuat seperti sayang, gembira, sedih, takut dan sebagainya. Perasaan yang kuat ini akan mempengaruhi tindak balas luaran sama ada pada perubahan fizikal terkawal seperti ekspresi mimik muka dan perubahan tidak terkawal seperti badan berpeluh kerana ketakutan. Menurut Kamus Bahasa Melayu (1994), emosi bermaksud perasaan pada jiwa yang kuat seperti sedih, marah dan lain-lain. *Oxford Advanced Learners' Dictionary* (1995) menyatakan emosi sebagai perasaan yang kuat dan pelbagai jenis kasih sayang, keriang, benci, takut, cemburu, keseronokan atau gangguan pada perasaan. Pembangunan emosi bermaksud membangunkan keupayaan untuk menghargai dan merasai perasaan sendiri dan memenuhi permintaan persekitaran. Ia juga merupakan proses untuk membangunkan perasaan dan menghidupkan hati dalam diri manusia supaya perasaan kasih sayang, tolong menolong, bekerjasama dan sebagainya dapat dipupuk dalam kehidupan manusia. Melalui pembangunan emosi secara positif akan mengelakkan seseorang dari mempunyai sifat negatif seperti tamak, dengki, riak dan sebagainya (Ahmad, 2006, p. 86). Firman Allah S.W.T. di dalam surah as-Shura: 37 yang bermaksud:

“Dan (bagi) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar dan perbuatan-perbuatan yang keji, dan apabila mereka marah mereka memberi maaf”

Pembangunan emosi turut mempunyai kaitan dengan psikologi. Manusia yang mempunyai emosi yang positif akan memberi kesan kepada kecerdasan emosi (*Emotional Quotient*) dalam membantu membina kekuatan diri. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai emosi yang positif dikatakan lebih bersemangat, lebih bertenaga dan lebih seronok dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan perbuatan. Emosi yang positif dapat membantu manusia untuk menyelesaikan sesuatu masalah mengikut pertimbangan yang sewajarnya bukan secara melulu. Mereka yang mempunyai emosi positif turut dapat membantu diri mereka sendiri ke arah membina kualiti hidup yang lebih bermakna. Keadaan ini dapat membentuk emosi dan sikap yang

matang serta dapat menjadikan individu tersebut seorang yang berjaya dalam kehidupannya (Dakian, 2009, p. 262). Pembangunan emosi atau perasaan yang positif memberi banyak kebaikan daripada keburukan. Emosi positif dapat membentuk persekitaran yang positif. Emosi positif juga dapat mengurangkan tekanan dan bebanan individu dan kehidupan mereka. Persekitaran yang positif sangat penting untuk membentuk masyarakat yang positif.

Terdapat beberapa manfaat bagi mereka yang boleh menjaga dan mengawal emosi mereka seperti mudah untuk membantu orang lain, mudah untuk mempelajari kemahiran baru, memberi dan menerima komen yang membina, melakukan kebaikan dan mengambil tindakan-tindakan yang dapat memelihara dan menjaga nama baik negara. mereka juga lebih cenderung untuk menjadi seorang yang berkeyakinan, rasa selamat dan tenang dalam semua situasi. Hal sebaliknya akan berlaku sekiranya manusia tidak dapat mengawal emosi mereka seperti merasa takut, sentiasa tertekan, rasa tidak selamat dan sentiasa berkonflik dengan pelbagai pihak. Mereka akan menyalahkan diri sendiri dan orang lain, tidak dapat memaafkan diri sendiri dan juga orang lain, cepat kecewa dan berasa rendah diri yang amat sangat (Yusof, 2009, p. 19).

Terdapat beberapa bentuk emosi yang terdapat dalam diri manusia seperti emosi takut, marah, benci, malu, sedih dan sebagainya. Sebagai contoh, emosi merupakan salah satu perasaan yang timbul apabila manusia berasa tidak puas hati terhadap sesuatu perkara. Emosi marah juga merupakan naluri semulajadi manusia yang dijadikan oleh Allah S.W.T. untuk keperluan hidup manusia. Pada asalnya, emosi marah tidak mendatangkan kecatatan atau kekurangan kepada manusia tetapi emosi marah boleh menjadi sifat yang keji sekiranya kemarahan itu mendatangkan atau menimbulkan perasaan dendam dan melampaui batas kemanusiaan. Islam memperakui emosi marah tetapi bukan emosi marah yang tidak dapat dikawal yang boleh menimbulkan kerosakan pada dirinya dan juga orang lain. Emosi marah yang tidak dapat dikawal boleh membawa keburukan dan merosakkan diri sendiri dan orang lain. Oleh itu, terdapat perintah daripada Allah S.W.T. yang menyuruh manusia mengawal amarah mereka sebagaimana firman Allah S.W.T. di dalam surah ali-Imran: 134 yang bermaksud:

“(iaitu) orang-orang yang menafkahkan (hartanya), baik di waktu lapang mahupun sempit, dan orang-orang yang menahan amarahnya dan memaafkan (kesalahan) orang. Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan”.

Selain itu, emosi benci pula boleh mendatangkan kebaikan dan keburukan. Kebaikan boleh diperolehi dari emosi benci ini apabila manusia benci melihat kemungkaran yang berlaku dan mendorong manusia untuk memperbetulkan keadaan tersebut. Keburukan pula boleh menjelma kesan dari emosi benci ini sekiranya kebencian dalam diri manusia tidak dapat dikawal dan boleh membawa kepada permusuhan, pergaduhan dan pertelingkahan sesama manusia. Firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Baqarah: 216 yang bermaksud:

“Diwajibkan atas kamu berperang, padahal berperang itu adalah sesuatu yang kamu benci. Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu, Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui”.

Emosi sedih pula akan timbul apabila seseorang berhadapan dengan keadaan yang mengecewakan, menggelisahkan atau muncul sebagai akibat penderitaan kerana luka atau sakit. Emosi sedih boleh membuatkan seseorang berasa tertekan, gelisah dan murung. Islam menganjurkan supaya manusia tidak bersedih dalam perkara yang melalaikan sehingga boleh melemahkan diri sehingga melahirkan kata-kata mengkufurkan Allah S.W.T. Kesedihan yang melampau dalam urusan duniawi adalah tidak wajar diamalkan dan manusia perlu mengawal kesedihan mereka seperti memperbanyakkan istighfar supaya jiwa yang dilanda kesedihan dapat

diubati dengan memohon keampunan kepada Allah S.W.T. Firman Allah di dalam surah al-Baqarah: 277 yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, mengerjakan amal soleh, mendirikan solat dan menunaikan zakat, mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya. Tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati”.

3.4. Pembangunan Fizikal/Jasmani

Pembangunan fizikal merujuk kepada membangunkan individu dengan kesihatan tubuh badan yang lebih baik dan membangunkan kekuatan disiplin diri seseorang. Pembangunan fizikal juga bermaksud proses menukar kehidupan individu kepada kehidupan yang lebih sihat, fizikal yang baik dan pemakanan yang seimbang. Manusia perlu memiliki kesihatan tubuh badan supaya dapat menjalankan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna dan berkesan. Individu yang mempunyai kesihatan yang baik berupaya untuk melakukan kerja dengan sistematik dan mampu untuk melaksanakan kerja dengan sempurna. Untuk mendapatkan kesihatan yang baik, manusia perlu mengambil makanan yang berkhasiat dan halal (Ahmad, 2006, p. 91). Kepentingan mengambil makanan yang halal telah dijelaskan di dalam Firman Allah surah al-Baqarah: 168 yang bermaksud:

“ Hai manusia, makanlah sebahagian dari makanan yang ada di bumi ini, yang halal dan baik. Dan janganlah kamu menuruti langkah-langkah syaitan kerana syaitan itu musuhmu yang nyata”

Islam sangat mementingkan penjagaan kesihatan kepada manusia dengan tujuan utama adalah memberi keselesaan dan kemudahan untuk beribadah. Dengan kesihatan, manusia dapat meningkatkan kualiti kehidupan semaksimum yang mungkin dan dapat meningkatkan pengabdian kepada Allah S.W.T. serta sesama manusia. Ini selaras dengan tujuan penciptaan jin manusia di dunia ini hanyalah untuk beribadat kepada Allah S.W.T. Firman Allah di dalam surah al-Dharyat: 56 yang bermaksud:

“Tidak Aku ciptakan jin dan manusia kecuali untuk beribadat kepadaKu”

Pembangunan fizikal manusia menerusi penjagaan kesihatan dapat dijelaskan oleh berpandukan kepada hadith Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Sesungguhnya kamu mempunyai tanggungjawab untuk menunaikan hak terhadap tubuh badan kamu” (Hadith riwayat al-Bukhari)

Menunaikan hak terhadap tubuh badan bermaksud mengimplementasikan tahap keupayaan badan manusia yang benar-benar baik dan selamat dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani secara optimum sehingga berupaya mencapai potensi dan matlamat kehidupan berpandukan kepada saranan dan gesaan di dalam agama Islam. Islam menggesa umatnya untuk menjaga kesihatan tubuh badan dengan menekankan kepada beberapa perkara berikut seperti makan mengikut keperluan sahaja, mementingkan kebersihan makanan dan tempat makan untuk mengelak sebarang wabak atau penyakit, bersenam atau beriadah dan sebagainya. Islam menjelaskan lagi bahawa makan makanan secara berlebihan hanya akan memberi kesan buruk kepada tahap kesihatan manusia itu sendiri. Al-Qur'an menjelaskan kepentingan untuk bersederhana dalam aspek pemakanan dan minuman sebagai panduan untuk kebaikan. Firman Allah di dalam surah al-'Araf: 31 yang bermaksud:

"Makanlah dan minumlah serta jangan berlebih-lebihan"

Kepentingan untuk menjaga kebersihan makanan pula adalah untuk mengelakkan seseorang ditimpa penyakit. Persekitaran yang kotor akan mengundang pelbagai kuman dan wabak penyakit berjangkit yang lain. Oleh itu, Islam menekankan untuk menjaga kebersihan dan kebersihan merupakan cabang kepada keimanan manusia. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

"Kebersihan itu sebahagian daripada iman" (Riwayat Muslim)

Bagi menjaga pembangunan fizikal manusia juga, terdapat beberapa cara untuk beriadah atau bersenam seperti cadangan daripada Saidina Umar r.a. menggalakkan umat Islam untuk memberi tumpuan kepada tiga jenis sukan iaitu memanah, menunggang kuda dan berenang. Ketiga-tiga aktiviti sukan ini mempunyai kepentingan yang tersendiri kepada fizikal atau jasmani manusia. Individu yang menjadikan kemahiran memanah sebagai aktiviti riadah mereka merupakan individu yang berusaha untuk mendapatkan daya konsentrasi yang baik dan mempunyai daya fokus yang tajam. Mereka akan mendisiplinkan dirinya dan berusaha untuk menjadi seorang pemanah yang mahir dan menumpukan segala kekuatan fizikal mereka. Begitu juga dengan kemahiran berenang yang memerlukan kekuatan yang konsisten dalam berjuangan dan kemahiran berkuda yang memerlukan ketangkasan yang luar biasa. Aktiviti riadah ini bukan sahaja memberi kekuatan kepada fizikal manusia malah turut memberi kesan kepada daya intelektual manusia. Rasulullah S.A.W. bersabda:

"Ajarilah anak-anakmu memanah, berenang dan menunggang kuda" (Riwayat Thabrani)

3.5. Pembangunan Spiritual/Rohani

Pembangunan spiritual atau rohani melibatkan pembangunan roh atau jiwa manusia berpaksikan kepada keimanan dan ketaqwaan kepada Allah S.W.T. Kerohanian ini akan memberi kekuatan kepada jiwa manusia untuk meningkatkan potensi dan keupayaan diri mereka bagi mencapai kemerlangan di dunia dan juga di akhirat. Tanpa kerohanian yang jitu, manusia menjadi mati hati, muflis akhlak, bankrap jiwa, pudar nilai keinsanan dan kebejatan ketamadunan. Ini akan mengakibatkan wujud gejala negatif dan menyebabkan mereka tidak berasa bahagia, gusar, bimbang dan tidak memperoleh ketenangan kepada jiwa manusia itu sendiri (Dakian, 2009, p. 261). Menurut Ahmad (2006, p. 94-95), pembangunan spiritual atau kerohanian bertujuan untuk membangunkan kerohanian manusia demi untuk menghargai dan mempertahankan kemuliaan ciptaan manusia sebagai insan di dunia ini bagi membentuk nilai dan jati berdasarkan pegangan agama yang kuat dan ikhlas. Pembangunan spiritual juga merupakan asas penting bagi diri manusia untuk membersihkan diri mereka dan kembali sebagai manusia dengan jiwa yang bersih sebagaimana Allah S.W.T. telah memuliakan penciptaan manusia di atas muka bumi ini. Firman Allah di dalam surah as-Shams: 7-10 yang bermaksud:

"Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya), maka Allah telah ilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketaqwaan. Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu, dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotori jiwa itu".


Rohani manusia yang bersih mengajar manusia mengenai matlamat hidup tidak akan menghalalkan cara untuk mendapat apa yang diperlukan dalam kehidupan manusia. Untuk mencapai sasaran matlamat dalam kehidupan, manusia perlu menentukan cara dan bagaimana untuk mendapatkannya berpandukan kepada saranan di dalam al-Qur'an dan juga al-Sunnah. Kerohanian yang bersih akan membentuk diri manusia sebagai contoh yang mulia kerana ia dilengkapi dengan sifat kejujuran dan tanggungjawab. Manusia yang berjiwa bersih mudah untuk

menerima teguran dan dapat memperbaiki kehidupan ke arah yang baik serta dapat membentuk perhubungan yang dipenuhi dengan sifat kasih sayang di dalam kehidupan mereka. Mereka juga dapat membentuk semangat kerjasama yang sebenar antara satu sama lain dan saling bantu membantu. Maka, akan terhasil satu sifat integriti diri dalam konteks berkomunikasi, membuat keputusan, memberi dorongan dan galakan serta kepimpinan.

Pembangunan spiritual atau rohani yang kuat dapat memberi implikasi kepada peradaban manusia. Ini dapat dijelaskan lagi dengan kepentingan mengaplikasi nilai akhlak dalam kehidupan seharian, melaksanakan dasar ekonomi berteraskan syarak, membudayakan penghayatan ilmu di kalangan masyarakat dan menerapkan nilai-nilai murni dalam masyarakat berteraskan norma kebudayaan Islam (Abdullah et al., 2011, p. 207). Pembangunan spiritual atau rohani manusia juga akan membentuk akhlak manusia sama ada berakhlak baik atau buruk. Al-Ghazali (1995, p. 433-438) menyatakan akhlak baik adalah sifat yang dimiliki oleh para nabi dan rasul, siddiqin dan hasil mujahadah para muttaqin. Akhlak buruk pula merupakan racun yang membunuh, keji, menjauhkan manusia dari Allah S.W.T. dan menjerumus manusia ke perangkap syaitan. Oleh itu, beliau menyatakan bahawa manusia perlu melakukan penyucian jiwa dan merawat penyakit hati dan jiwa yang rosak ini bagi menghasilkan akhlak yang baik dan terpuji. Penyucian jiwa ini memerlukan kepada proses yang berterusan dan memerlukan kesungguhan individu tanpa rasa untuk berputus asa. Pembentukan akhlak yang terpuji ini memainkan peranan yang penting dalam pembangunan diri manusia bertepatan dengan fitrah manusia yang suci. Menurut Kamaluddin, Kassim, Alam, & Samah (2018, p. 117), antara nilai spiritual di dalam pembangunan spiritual manusia ialah benar (*siddiq*), ikhlas (*amanah*), wajar (*fathonah*) dan warak (*tabligh*). Keempat-empat nilai ini sangat signifikan untuk mewujudkan manusia yang berjaya di dalam kehidupan mereka di dunia mahupun di akhirat.

4. Kerangka Konsep

Figure 1. Kerangka konsep menerangkan unsur Pembangunan Modal Insan menurut perspektif Islam



5. Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa Pembangunan Modal Insan menurut perspektif Islam mengambil kira beberapa unsur pembangunan dalam diri manusia yang perlu diberi penekanan sewajarnya. Kefahaman terhadap keseluruhan diri manusia membawa kepada konsep tentang apa dan bagaimana diri manusia perlu dibangunkan. Terdapat lima unsur pembangunan yang perlu dibangunkan dalam diri manusia iaitu pembangunan pemikiran (Ahmad, 2006; Kawangit, 2011; Abdullah et al., 2011), kemahuan (Ahmad, 2006; Sarmani, 2008), perasaan (Ahmad, 2006; Dakian, 2009; Yusof, 2009), fizikal (Ahmad, 2006; Yusof, 2009) dan rohani (Ahmad, 2006; Dakian, 2009; Abdullah et al., 2011; Kamaluddin et al., 2018). Unsur pembangunan dalaman manusia seperti pembangunan pemikiran melalui ilmu pengetahuan akan mempengaruhi unsur pembangunan yang lain. Melalui ilmu pengetahuan akan mengajar manusia untuk mengimbangi keperluan dan kehendak rohani dan jasmani secara adil bagi memperolehi ketenangan diri yang diinterpretasikan melalui tingkahlaku dan akhlak yang mulia. Nilai-nilai kerohanian akan menjadi garis panduan yang membataskan tindakan dan kelakuan manusia dari mengikut hawa nafsu. Penekanan kepada unsur-unsur Pembangunan Modal Insan ini juga akan membawa kepada peningkatan dan pengembangan daya intelektual, kreativiti, emosi, moral, sosial dan membangunkan kekuatan disiplin diri. Justeru, kelima-lima unsur ini perlu dibangunkan,

disuburkan dan diperkasakan secara bersepadu dan berterusan bagi menjadikan diri manusia dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam kehidupan mereka. Pembangunan Modal Insan yang diketengahkan melalui pemahaman menyeluruh tentang pembangunan diri manusia yang bermatlamatkan pembangunan secara holistik berupaya mengangkat dan meletakkan kedudukan manusia sebagai pemimpin (khalifah) dan hamba Allah S.W.T. di muka bumi ini seterusnya dapat meningkatkan kualiti kehidupan manusia dan dapat membina sebuah tamadun dan peradaban Islam yang unggul.

6. Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini dijalankan secara kaedah kualitatif. Oleh itu, dicadangkan supaya satu kajian berbentuk kuantitatif dengan memberi penekanan kepada salah satu atau kelima-lima unsur Pembangunan Modal Insan supaya hasil kajian dapat dibuktikan dalam bentuk data emperikal.

Sumbangan Penulis: "Semua penulis menyumbang kepada penulisan manuskrip ini"

Dana: "Kajian ini tidak menerima dana luar"

Konflik Kepentingan: "Tiada konflik kepentingan"

7. Rujukan

- Al-Qur'an. (1987). *Tafsir Pimpinan Al-Qur'an kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Abdullah, S., Ramli, A. J., & Hussin, N. S. (2011). Pembangunan Manusia Yang Melahirkan Lestari Ke Arah Melahirkan Modal Insan Yang Holistik. In Abdullah, S., & Ku Ariffin, K.H. *Transformasi Pembangunan: Insan Holistik* (pp. 195-213). Arau: Universiti Malaysia Perlis.
- Ahmad, A. R. (2006). *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi di Malaysia*. n.p.: Human Resources Academy.
- Azmi, I. A. G. (2009). Human capital development and organizational performance: A focus on Islamic Perspective. *Syariah Journal*, 17(2), 353-372.
- Becker, G. S. (1994). Human capital revisited. *Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis with Special Reference to Education (3rd Edition)*, 15-28.
- Borham, A. J. (2008). *Asas Pembangunan Modal Insan*. Kuantan. Universiti Malaysia Pahang.
- Borham, A. J. (2011). Modal Insan dalam Aspek Keusahawanan dan Ekonomi: Cabaran ke Arah Memartabatkan Umat. In Borham, A. J., Mohd Zainal Abidin, A. F., Ahmad, H., & Abd Razak, M. (Eds.), *Mengangkasa Modal Insan: Isu dan Cabaran* (pp. 119-149). Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Dakian, M. (2009). *Pembangunan Modal Insan: Misi 2057 Berteraskan Islam dan Konvensional*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ibrahim, A. Z. B. (2010). Kitaran dan Pembaharuan Tamadun: Analisis Faktor Manusia Mengenainya Dari Perspektif Al-Quran dan Sejarah Peradaban Islam. In Mohamad Nor, M. R., & Ibrahim, A. Z. B. (Eds.), *Pembangunan Modal Insan & Tamadun dari Perspektif Islam* (pp. 83-110). n.p.: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Universiti Malaya.
- Ilias, M. F., & Jasmi, K. A. (2011). Peranan Pendidikan Islam dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama in *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial at UNIMAS* on 20-21 April 2011.
- Jasmi, K. A., Suratman, A.S., & Muhammad, N.H.N. (2007). Pembangunan Modal Insan Yang Sempurna Menurut Perspektif Al-Imam Al-Nawawi. *Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3*, Sunway Lagoon Resort, 1-12.

- Kamaluddin, A., Kassim, N., Alam, M. M., & Samah, S. A. A. (2018). Human Capital Accountability and Construct: Evidence from Islamic Microfinance Institutions in Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah*, 117, 117-129.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kawangit, R. M. (2011). *Pengurusan Modal Insan dari Perspektif Islam*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majid, M. K. H. A., Rahim, R. A. A., & Yusof, M. (2014). Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Analisis Terhadap Pendekatan Islam Selepas Negara Merdeka (Development of Human Capital in Malaysia: Analysis on Islamic Approach After Achieved Independence). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 6(2), 15-34.
- Malik, N. H. M. A., Zahrin, S. N. A., Sawai, R. P., & Sham, F. M. (2018). The Concept of Love for Knowledge and Excellent Muslims in Transforming Human Capital: An Analysis on Gender Differences (Konsep Cinta kepada Ilmu Pengetahuan dan Transformasi Kecemerlangan Modal Insan Muslim: Analisis dari aspek Perbezaan Gender). *Jurnal Pendidikan Malaysia/ Malaysian Journal of Education*, 43(1), 51-57.
- Muis, A. M., Alias, M. S., Kamaruding, M., & Mokthar, M. Z. (2018). Islamic Perspective on Human Development Management: A Philosophical Approach. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 543-552.
- Noor, R. M., Rahim, R. A. A., Majid, M. K. A., Ali, A. K., Kadir, N. A. A., Jaafar, S. M. J. S., & Yusoff, N. (2014). Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam Dalam Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Kemanusiaan*, 22, 1-20
- Said, A. M. (2010). Pembangunan Modal Insan: Konsep, Perkembangan, Cabaran dan Implikasi. In Ibrahim, Y., & Awang, A.H. (Eds.), *Pembangunan Modal Insan: Isu dan Cabaran* (pp. 1-30). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarmani, Y. (2008). *Teori kaunseling al-Ghazali*. PTS Islamika.
- Shafii, H., Musa, S., Meryam, S., & Ahmad, Z. (2009). Pembangunan modal insan ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat. *International Conference on Human Capital Development*, 1-8.
- Wan Abdullah, W. S. (2008). Ibn Sina dan Pembangunan Modal Insan: Analisis Kitab al-Siyasah. *Jurnal Peradaban*, 1., 117-131.
- Yusof, A. A. (2009). *Pembangunan Modal Insan: Teras Pendidikan Negara*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Zainal, K., & Hassan, W. Z. W. (2009). Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1-14.